



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMoe)
www.ijmoe.com



PRINSIP KEHADIRAN DALAM CERPEN-CERPEN BERALIRAN
REALISME MANA SIKANA

*THE PRINCIPLE OF PRESENCE IN MANA SIKANA'S REALISM SHORT
STORIES*

Khatijah Rahim^{1*}, Norazimah Zakaria²

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: khatijahrahim96@gmail.com

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: norazimah@fbk.upsi.edu

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.09.2024
Revised date: 14.10.2024
Accepted date: 26.11.2024
Published date: 22.12.2024

To cite this document:

Rahim, K., & Zakaria, N. (2024). Prinsip Kehadiran Dalam Cerpen-Cerpen Beraliran Realisme Mana Sikana. *International Journal of Modern Education*, 6 (23), 155-167.

DOI: 10.35631/IJMoe.623012

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pengarang yang prolific dalam berkarya akan sentiasa berusaha untuk membawa pembaharuan untuk mengangkat teks ciptaannya mencapai tahap keunggulan melalui kehadiran pelbagai sumber dan idea. Sebagai seorang penulis yang dilabelkan prolific di negara ini, Mana Sikana mendedahkan bahawa kehadiran sumber idea yang baharu dan berinovasi sangat penting terutamanya membawa pembaharuan terhadap teks-teks yang dihasilkan. Oleh itu, makalah ini dihasilkan untuk meneliti prinsip kehadiran dalam tiga buah cerpen beraliran realisme oleh Mana Sikana daripada perspektif teori Teksdealisme. Kualiti kepengarangan seorang penulis diukur dengan menggunakan empat prinsip dalam teori Teksdealisme. Hanya satu prinsip, iaitu prinsip kehadiran yang diaplikasikan dalam kajian ini untuk menganalisis cerpen *Daun-daun Keramat* (1975), *Kawan yang Berbudi dan Berduri* (1964) dan *Petualang Bangsa* (1983). Dalam kajian ini, menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu kaedah analisis teks dan kepustakaan. Hasil analisis ketiga-tiga teks mendapati bahawa Mana Sikana sentiasa membuat pembaharuan dan inovasi seiring usaha untuk mewujudkan sumber idea baharu yang pelbagai melalui pengalaman peribadi, isu semasa dan penyelidikan. Melalui penelitian ketiga-tiga teks menunjukkan pembaharuan dari aspek sumber idea, struktur dan aliran. Dari aspek struktur, penciptaannya mengalami perubahan serta mengekalkan struktur tertentu. Aspek aliran turut menunjukkan pembaharuan dalam pembawaan aliran realisme. Impaknya, segala pembaharuan dan pemantapan terhadap setiap teks ciptaannya yang dilakukan dari masa ke masa untuk mencapai tahap keunggulan serta mampu menjadi pemangkin kepada

	penulis-penulis lain agar sentiasa membawa satu pembaharuan dalam karya yang dihasilkan. Kata Kunci: Teksdealisme, Pembaharuan, Aliran, Struktur, Idea Abstract: A prolific author will always stive to bring innovation to elevate their created texts to a level of excellence through the presence of various sources and ideas. As a writer labelled as prolific in this country, Mana Sikana reveals that the presence of new and innovative sources of ideas is very important, especially in bringing renewal to the texts produced. Therefore, this paper is produced to examine the principle of presence in three realist short stories by Mana Sikana from the perspective of the Textualism theory. The quality of a writer's authorship is measured using four principles in the Textdealisme theory. Only one principle, named the principle of presence, was applied in this study to analyze the short stories <i>Daun-daun Keramat</i> (1975), <i>Kawan yang Berbudi dan Berduri</i> (1964) and <i>Petualang Bangsa</i> (1983). In this study, a qualitative design was used, specifically text and literature analysis methods. The analysis of the three texts found that Mana Sikana consistently makes reforms and innovations in line with efforts to create a diverse range of new ideas through personal experiences, current issues and research. Through the examination of the three texts, it shows innovation in terms of sources of ideas, structure and flow. From the structural aspect, its creation has undergone changes while maintaining certain structures. The aspect of style also shows innovation in the portrayal of the realism movement. Its impact is that all the innovations and enhancements made to each of its texts over time aim to achieve a level of excellence and can serve as a catalyst for other writers to continuously bring innovation to their produced works. Keywords: Textdealism, Renewal, Flow, Structure, Idea
--	--

Pengenalan

Kemunculan ramai pengarang telah membawa banyak perubahan terhadap dunia kesusasteraan tanah air pada masa ini. Individu yang bergelar pengarang perlu sekurang-kurangnya memiliki sifat sebagai pemikir atau lebih baik memiliki jati diri sebagai ahli falsafah. Selain itu, pengarang yang baik mempunyai sifat yang berbeza dengan pengarang yang lain iaitu peka dan sensitif dengan isu yang berlaku di sekeliling. Sejak zaman-berzaman, pengarang mendapat tempat yang istimewa dalam tingkat kehidupan. Penulis, pendidik dan pengkritik sastera yang berasal dari Perak, iaitu Mana Sikana atau nama penuhnya Abdul Rahman Napiah telah memeriahkan pentas sastera tanah air dengan menghasilkan pelbagai genre sastera antaranya cepen, novel, drama dan buku kritikan sastera.

Usaha ini merupakan sumbangan untuk mengangkat martabat sastera tanah air. Sehubungan itu, beliau selalu mendapat tempat di setiap sayembara penulisan yang disertai sama ada peringkat nasional mahupun negeri. Melalui penghasilan karya drama dan cerpen beliau telah digelar sebagai pengarang yang prolifik. Antara anugerah ulung yang pernah dirangkul beliau adalah Anugerah Sasterawan Perak kedua pada tahun 2004 melalui penglibatan aktif beliau

dalam penulisan drama, cerpen dan pementasan drama. Kerajaan Negeri Perak cukup teliti dalam memilih penerima watak dan pencapaian ini amat membawa erti besar buat Mana Sikana.

Mana Sikana ialah seorang pengarang dalam bidang sastera Melayu yang berpengaruh sepanjang coretan sejarah kesusasteraan Melayu Malaysia. Beliau banyak memberi sumbangan dalam bidang perkarya seperti cerpen, drama dan novel serta kritikan sastera. Selain itu, beliau turut dianggap seorang pengkarya yang prolifik, tepu dengan falsafah serta memiliki pemikiran mutakhir dalam karya-karya kreatif yang ditulis.

Sastera tidak terbentuk secara sia-sia dan hanya sekadar rekaan semata-mata. Sehubungan dengan itu, sumber-sumber yang ada di persekitaran, pengalaman, pemerhatian, pembacaan, perenungan dan penyelidikan yang digabungkan menjadi satu pemikiran yang kompleks. Mana Sikana (1996, ms: 60) berpendapat bahawa idea dan pengalaman memiliki hubungan erat dengan sifat jati diri. Subjek sesebuah karya terbentuk melalui idea dan pengalaman. Pernyataan ini dapat diperjelaskan bahawa aspek kehadiran sumber idea pengarang dalam menghasilkan karya menjadi fokus dalam kajian ini. Karya sastera yang menghadirkan sumber idea yang berkualiti dan menunjukkan pembaharuan akan berupaya mendidik dan memotivasikan masyarakat.

Pernyataan Masalah

Nama Mana Sikana bukanlah asing dalam kalangan pencinta bidang kesusasteraan Melayu. Berdasarkan penelitian, pengarang yang bersifat prolifik ini begitu sinonim dengan karya drama di mana kebanyakan dramanya dipentaskan lebih daripada sekali. Kini Mana Sikana semakin giat dalam penghasilan karya sastera iaitu cerpen walaupun sudah bersara daripada kerja hakikinya. Sehubungan dengan itu, sangat wajar karya beliau diangkat dan diteliti untuk melihat falsafah yang disampaikan melalui karya-karya kreatif beliau terutamanya cerpen. Karya cerpen lebih menjadi pilihan kebanyakan pengarang sastera kerana masyarakat pada era ini lebih dekat dengan isu dan subjek yang mudah untuk difahami. Karya cerpen menggunakan bahasa yang mudah difahami dan jalan cerita yang jelas.

Penelitian ini sangat relevan dalam mengaplikasikan teori Teksdealisme untuk melihat keunggulan karya-karya sastera penulis tempatan khususnya genre cerpen yang dihasilkan Mana Sikana. Unsur-unsur yang dapat mengunggulkan sastera iaitu pengarangnya, teksnya dan khalayaknya. Proses penatidiran, keunggulan dan idealistic diterapkan dalam teori Teksdealisme. Mana Sikana (2013, ms: 93) menyatakan bahawa beliau berharap agar teori ini menjadi penawar atau majun kepada sastera Malaysia dan menjadi satu landasan untuk para penulis berkarya. Justeru, penelitian karya cerpen Mana Sikana sebagai bahan kajian merupakan usaha yang baik terhadap perkembangan pemikiran beliau.

Selain itu, kajian ini juga wajar dijalankan bagi meneroka pembaharuan dan kelainan pemikiran Mana Sikana pada zaman penulisan. Mana Sikana merupakan seorang pengarang yang mula berjinak dalam penulisan karya sastera sejak tahun 1960-an sehinggalah kini. Beliau juga telah mengamali beberapa aliran pemikiran dalam penulisan karya sasteranya secara giat. Tambahan pula, beliau banyak membuat kupasan terhadap persoalan-persoalan yang berlaku di sekitarnya dan memperbaharainya dalam bentuk penulisan yang boleh memberi kesedaran kepada masyarakat terutama isu yang berlaku dari tahun 1960-an sehingga tahun 2000-an serta

sehinggalah kini. Sehingga kini, Mana Sikana masih giat aktif berkarya serta mampu menghasilkan penulisan cerpen yang berimpak tinggi.

Objektif Kajian

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis prinsip kehadiran dalam tiga buah cerpen Mana Sikana berdasarkan teori Teksdealisme. Prinsip pertama dalam teori Teksdealisme merupakan prinsip kehadiran yang mana seseorang pengarang perlu mengeluarkan sumber dan idea yang baharu daripada pelbagai sumber agar teks mencapai tahap keunggulan.

Bahan Kajian

Tiga buah cerpen telah menjadi pilihan dalam kajian ini, iaitu *Daun-daun Keramat*, *Kawan Berbudi dan Berduri* dan *Petualang Bangsa*. Cerpen-cerpen ini dipilih kerana menggambarkan perubahan dan pembaharuan pengarang dalam berkarya serta memiliki kekuatan dan keistimewaan yang tersendiri.

Kerangka Teoritis

Teori Teksdealisme yang diasaskan oleh Mana Sikana telah digunakan dalam kajian ini. Kata Teksdealisme adalah daripada dua kosa kata iaitu 'teks' dan 'idealisme' yang bermaksud sesebuah karya yang berkualiti dan unggul. Teori ini menjelaskan bahawa setiap pengarang mempunyai hasrat untuk mencapai tahap keunggulan dalam karya-karya yang dihasilkan. Justeru, pengarang akan berusaha untuk menghasilkan karya yang lebih baik daripada sebelumnya serta menonjolkan pemikiran, kebolehan dan keintelektualan serta keterampilan yang ada. Mana Sikana (2006) menyatakan bahawa pengarang sesuatu karya juga dituntut mencapai keunggulan yang bermakna mempunyai nilai yang tinggi, luar biasa, cemerlang dan memiliki kekuatan untuk bertahan dalam ujian masa dan zaman. Keunggulan adalah satu istilah yang membawa maksud budaya sastera ke sesuatu ke tahap yang lebih baik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Oleh yang demikian, teori Teksdealisme dalam meneliti keunggulan sesebuah karya dianggap berkualiti apabila ada kehadiran, berlaku perlanggaran, pengukuhan memantapkan pembawaan teks dan melihat individualisme pengarang sepanjang penghasilan karya-karya kreatif.

Mana Sikana (2007, ms: 495) berpendapat bahawa teori Teksdealisme atau teori keunggulan mendefinisikan teks sebagai susunan idea dan pengalaman yang mengandungi makna yang berlapis-lapis dengan mempunyai sifat-sifat keunggulannya. Sifat-sifat keunggulan dapat dibuktikan apabila seseorang pengarang memiliki sifat berani dan bijaksana dalam mengemukakan idea dan pengalaman yang diperoleh. Pengarang juga perlulah sentiasa memberikan gambaran pembaharuan dalam karyanya melalui idea dan pengalaman agar dapat memberi makna yang baharu dan seterusnya menghasilkan karya yang memperlihatkan mutu dan keunggulan. Selain itu, keberanian seseorang pengarang juga terserlah apabila menghasilkan teks sebagai demonstrasi intelektualisme dan menghasilkan sesuatu ciptaan yang berhubung dengan metafizika dan falsafah. Menurut Mana Sikana (2006), keunggulan sesuatu karya berlaku apabila pengarang menjalankan usaha untuk mencernakan teks dengan sebaiknya. Teori Teksdealisme terdiri daripada empat prinsip iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme. Keunggulan pengarang terserlah apabila mengamalkan prinsip-prinsip Teksdealisme sepanjang penglibatan dalam dunia penulisan.

Prinsip kehadiran daripada teori Teksdealisme merujuk kepada kehadiran pengalaman dan teks adalah hasil kehadiran idea daripada pengalaman pengarang yang mempengaruhi daya kreativiti. Mana Sikana (2006, ms: 105) berpendapat bahawa pengalaman tersebut akan membentuk suatu idea yang unggul dan dikemukakan dalam penciptaan teks. Kehadiran akan terus berlaku dalam pemikiran pengarang dalam proses penciptaan atau penulisan sehinggalah teks tersebut sempurna. Teks yang mencapai tahap unggul bermula daripada idea dan pengalaman. Idea merujuk kepada lintasan-lintasan pemikiran yang terkandung dalam kesedaran pengarang yang mengembang dan mendewasakan, kemudian dijalinan dalam bentuk kreatif. Pengalaman adalah sumber yang mencetuskan idea dan pengalaman berjalan dalam sublimasi secara tidak diduga untuk membentuk subjek. Subjek yang diperihalkan dalam karya akan memudahkan khalayak mengenali pengarang.

Kehadiran akan menunjukkan bagaimana pengarang memilih, menyaring dan melengkapkan maklumat-maklumat yang datang daripada idea dan pengalaman. Unsur-unsur atau bentuk-bentuk pengalaman yang benar-benar sesuai, mantap, bermakna dan bernilai akan dipilih secara terperinci oleh seseorang pengarang sebelum menghadirkan pengalaman-pengalaman tersebut. Isu atau peristiwa, jalinan, teknik, wawasan, pemikiran, tokoh, gaya bahasa dan latar termasuk pengalaman yang dialami pengarang. Kehadiran idea dan pengalaman tidak terbatas sumber dan rujukan dalam pemikiran pengarang. Hal ini bermakna sumber idea tidak mempunyai sekatan dan syarat-syaratnya. Sumber yang boleh dirujuk ada pelbagai seperti melalui pengalaman, bacaan dan pemerhatian pengarang. Unsur-unsur kehadiran termasuklah apa-apa sahaja yang terlintas di fikiran pengarang. Mana Sikana (2006, ms: 107) menyifatkan bahawa selagi unsur-unsur itu dapat menghadirkan pengalaman, selagi itulah unsur-unsur itu dikategorikan sebagai kehadiran. Teks yang terhasil terbentuk daripada pengalaman-pengalaman pengarang. Sebanyak mungkin pengalaman daripada pelbagai sumber dan rujukan perlu dikumpul oleh pengarang dalam konsep Teksdealisme. Pernyataan oleh Shahnnon Ahmad (1979, ms: 28) telah membuktikan bahawa sumber idea tidak mempunyai batasannya sama seperti aspek kehidupan yang juga tidak ada batasannya. Idea yang terhasil bermula dari pengalaman sendiri. Dalam teori Teksdealisme, teks yang dianalisis melalui prinsip kehadiran ini diteliti berdasarkan iaitu pertama, apakah fakta yang hadir dan daripada mana sumber kehadirannya? Kedua, bagaimana fakta itu hadir dalam teks tersebut? Ketiga, apakah fungsi kehadirannya? Perkara-perkara ini ditunjukkan melalui kehadiran subjek dan watak yang ditonjolkan oleh pengarang.

Metodologi Kajian

Dalam penelitian ini kaedah yang digunakan ialah kaedah analisis teks dan kepustakaan. Pengumpulan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian serta pembacaan secara mendalam akan dilakukan melalui kajian kepustakaan. Banyak bentuk bertulis yang menjadi sumber utama seperti buku, majalah, jurnal, akhbar, kertas-kertas kerja seminar dan latihan ilmiah. Dengan menggunakan teknik bacaan secara rapi, cerpen-cerpen yang dikaji akan dibaca secara analitis dan kritis. Seterusnya, melalui kaedah analisis teks, data-data daripada cerpen-cerpen ini dianalisis dengan menggunakan teori Teksdealisme sebagai panduan dalam kajian ini. Selain itu, salah satu daripada prinsip teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran digunakan dalam kajian ini. Beberapa aspek kehadiran yang ditemui dalam penelitian berdasarkan sumber idea, struktur (pemikiran, subjek, latar dan watak) dan aliran. Sumber-sumber pengalaman pengarang dalam menghasilkan karya tersebut akan dihubungkan melalui prinsip kehadiran. Pengalaman yang dimiliki pengarang akan menentukan bentuk-bentuk kehadiran sama ada struktur, unsur, aliran atau ideologi. Cerpen-cerpen dalam kajian ini akan dianalisis

berpandukan tiga persoalan iaitu pertama, apakah fakta-fakta yang dihadirkan? Kedua, bagaimanakah kehadiran itu dilakukan? Ketiga, apakah kesan dan fungsinya kepada teks? Gabungan ketiga-tiga persoalan ini akan memperlihatkan kesatuan idea seseorang pengarang dalam membentuk teks ciptaannya.

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan analisis dalam kajian ini menunjukkan bahawa aspek kehadiran dalam ketiga-tiga cerpen diperincikan dari segi kehadiran sumber idea, struktur dan aliran yang dihadirkan oleh pengarang sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1: Dapatan Analisis

Cerpen	Kehadiran Sumber Idea	Kehadiran Struktur	Kehadiran Aliran
Daun-daun Keramat	Pengalaman Peribadi	Subjek/Watak/Latar	Realisme
Kawan yang Berbudi dan Berduri	Pengalaman Peribadi	Subjek/Watak/Latar	Realisme
Petualang Bangsa	Penyelidikan/Pembacaan/Rujukan	Subjek/Watak/Latar	Realisme

(Sumber: Pengkaji)

Hasil analisis daripada jadual mendapati prinsip kehadiran dalam cerpen-cerpen dilihat melalui idea atau sumber pengalaman pengarang yang menunjukkan kepelbagaian sumber iaitu pengalaman peribadi, penyelidikan, pembacaan dan rujukan sehingga pengarang menghadirkan subjek, latar, watak, teknik dan unsur yang dapat memantapkan karyanya.

Kehadiran dalam Daun-daun Keramat

Kehadiran sumber idea merupakan konteks yang penting dalam proses penciptaan. Pengkaji akan meneliti dari mana datangnya sumber idea tersebut. Sumber idea yang berselirat dalam minda akan ditukangi dan dikembangkan oleh pengarang. Prinsip kehadiran dalam *Daun-daun Keramat* diperlihatkan menerusi sumber idea, struktur sesebuah karya dan aliran yang diamalkan seseorang pengarang, *Daun-daun Keramat* merupakan antara cerpen terawal yang ditulis Mana Sikana semasa beliau menjadi guru sekolah di negeri Johor pada tahun 1975. Melalui pemerhatian, beliau membuat catatan dan penelitian daripada peristiwa, fakta, situasi masyarakat bagi memperoleh idea yang unik.

Kehadiran Sumber Idea

Mana Sikana menulis cerpen *Daun-daun Keramat* pada tahun 1975 yang diilhamkan melalui kes kecanduan ganja yang mula menular dalam kalangan orang Melayu dalam tahun 1970-an hingga 1980-an. Melalui pengalaman peribadinya yang pernah bertugas sebagai seorang guru di sekolah negeri Johor pada tahun 1969 hingga 1974. Pada era tersebut, penyalahgunaan ganja dengan tujuan dapat berjaga sehingga lewat malam bertumpu kepada kaum Melayu terutamanya golongan nelayan. . Melalui keratan akhbar yang bertarikh 5 September 1973, telah melaporkan bahawa pokok ganja yang terbaik telah ditanam di sebuah kebun di Benut, Pontian di negeri Johor. Malah, pengedar-pengedar ganja dari seluruh negara sanggup datang ke Johor untuk membeli daun ganja untuk dipasarkan kepada pembeli dan ada juga yang

memasarkan sehingga ke luar negeri. Menurut Tan Sri Kadir Yusof, Peguam Negara dalam satu sidang akhbar di Pusat Biro Narkotik,

“Pokok-pokok ganja yang ditanam di Pontian merupakan yang terbaik sekali di dunia, menyebabkan minat pengedar-pengedar datang membelinya dan kemudian menyeludupkan ke luarnegeri melalui ejen-ejen tertentu.”

(1973)

Daripada penggunaan ganja, golongan muda lebih ramai terjebak dalam penyalahgunaan dadah apabila berlaku arus perubahan daripada segi bentuk dadah kepada dadah jenis tiruan (sintetik). Sebagai inisiatif pengawalan dadah di Malaysia, sebuah jawatankuasa khusus telah ditubuhkan iaitu Kabinet Mengenai Dadah pada tahun 1975. Sehubungan dengan itu, satu dasar mengenai penggunaan, pencegahan dan pembasmian dadah telah ditetapkan melalui semakan oleh Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri ketika itu. Usaha ini semakin digiatkan sehinggalah negara telah mengumumkan dadah sebagai Musuh Nombor Satu Negara pada tahun 19 Februari 1983.

Kehadiran Struktur

Daun-daun Keramat yang telah dihasilkan Mana Sikana pada tahun 1975 telah menghadirkan kepekaan beliau terhadap isu dadah yang semakin serius dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh yang demikian, Mana Sikana menghadirkan struktur menerusi subjek-subjek, watak dan latar yang bersesuaian setelah membuat penelitian, penyaringan dan pemilihan sewajarnya dalam menghasilkan teks ini. Masalah dadah yang berkaitan dengan penagihan dan pengedaran dadah adalah masalah keselamatan negara. Dalam cerpen *Daun-daun Keramat* ini, pengarang telah mewujudkan keterlibatan masyarakat dalam penanaman ganja secara haram untuk dipasarkan kepada penduduk setempat melalui watak Pak Kamid yang sudah bertahun-tahun mengusahakan kebun ganja untuk menyara kehidupannya dan keluarganya.

Aspek struktur dalam cerpen ini turut memperlihatkan kehadiran watak yang menentang kegiatan penanaman ganja yang dilakukan oleh Pak Kamid iaitu Murad, anak lelakinya sendiri. Murad bertugas sebagai pegawai pencegah bahan-bahan narkotik dan penghapus penanaman ganja. Penentangan yang dilakukan oleh Murad terhadap Pak Kamid adalah satu langkah untuk menyelamatkan ayahnya daripada ditangkap dan didakwa atas kesalahan menanam bahan terlarang. Watak Murad berperang dengan emosi apabila cuba untuk memujuk ayahnya supaya menghentikan kegiatan tersebut. Beliau sering akan terikat dengan kenyataan yang dikeluarkan Pak Kamid bahawa segala perbelanjaan Murad untuk hidup dan belajar sehinggalah berjaya mendapat kerjaya yang baik hasil daripada penanaman ganja yang dilakukan. Hal ini dibuktikan melalui petikan tersebut,

“Tapi, kerajaan akan membakarnya, ayah.”

“Siapa yang berani bakar? Cakap!” tanya Pak Kamid sambil mencapai parang yang tersangkut di dinding, lalu mencabutnya daripada sarung. Bersilau-silau cahaya parang yang tajam putih itu. “Kau juga akan jadi mangsanya, Murad.”

(Mana Sikana, 1975: 188)

Cerpen ini juga berlatar belakang di kawasan perkampungan yang masih mengamalkan tradisi kemasyarakatan yang erat. Namun, terdapat juga kegiatan-kegiatan haram melalui penanaman ganja yang dilakukan oleh kebanyakan penduduk termasuk Pak Kamid untuk menyara kehidupan yang semakin tenat dan kurang peluang untuk memperoleh pekerjaan yang tetap.

Secara realitinya, kegiatan dadah bukan hanya terdedah di bandar-bandar besar yang bebas dengan pergaulan, malah kegiatan penyebaran dadah juga boleh dilakukan di kawasan perkampungan yang tiada akses dengan dunia luar.

Secara ringkasnya, pengarang telah menyusun secara sistematik, kemas dan padat dari segi struktur seperti subjek, watak dan latar dalam pembinaan teks ini. Pembinaan teks diperkukuhkan dengan kesemua aspek struktur sebagai karya yang lengkap dan berkualiti serta menonjolkan jati diri dan keunggulan pengarang dalam penghasilan karya.

Kehadiran Aliran

Cerpen ini beraliran realisme. Sifat realisme yang ditunjukkan oleh pengarang dalam karya ini sangat akrab hubungannya dengan sosial dan masyarakat. Menurut Mana Sikana (2006, ms: 44), aliran realisme memaparkan perjuangan masyarakat dalam sastera yang dijadikan wadah untuk meraih matlamat dan pengarang perlu bersifat protes sosial. Teks yang sebegini biasanya bersifat konsisten dan memperlihatkan hubungan sastera dengan masyarakat dan menepati tanggapan bahawa sastera adalah cerminan masyarakat. Mana Sikana dalam *Daun-daun Keramat* menghadirkan kehidupan sebenar masyarakat yang bersifat kekeluargaan dan perjuangan masyarakat kampung untuk meneruskan kehidupan dengan menjalankan kegiatan haram. Usaha Murad untuk memujuk ayahnya Pak Kamid untuk berhenti daripada melakukan kegiatan penanaman ganja kerana pihak kerajaan sudah menghidu kegiatan ayahnya itu. Aliran realisme yang diamalkan pengarang dalam novel ini menunjukkan kesesuaiannya dengan subjek-subjek dan pemikiran yang berhubung dengan perjuangan masyarakat untuk mengawal kegiatan dadah yang semakin parah di negara kita.

Secara rangkumannya, *Daun-daun Keramat* memperlihatkan sikap prihatin dan kepekaan pengarang terhadap isu yang semakin mengganas dalam kalangan orang Melayu khususnya dengan kegiatan dadah di Malaysia. Pengalaman, pemerhatian dan penelitian akan disaring, dipilih dan disesuaikan sebelum dianyam menjadi teks yang menarik dan efektif.

Kehadiran dalam Kawan yang Berbudi dan Berduri

Mana Sikana (1990) mengatakan bahawa pengarang yang memiliki sifat berani yang ditetapkan dalam teori Teksdealisme adalah pencetus desakan jiwa atau luaran serta pemangkin seseorang untuk berkarya. Hal ini diperjelaskan bahawa pengarang turut mengutip pengalaman dan rangsangan berkarya melalui pelbagai saluran hasil desakan jiwa mereka. Cerpen *Kawan yang Berbudi dan Berduri* (1964) merupakan karya pertama Mana Sikana yang diterbitkan dalam akhbar Berita Harian. Beliau menghasilkan karya ini semasa beliau masih menuntut di Maktab Perguruan. Pengarang juga telah mengaplikasikan segala peristiwa, fakta dan situasi masyarakat melalui pemerhatian dan penelitian yang dilakukan.

Kehadiran Sumber Idea

Kawan yang Berbudi dan Berduri memperlihatkan tindakan pengarang membuat pembaharuan dengan menghadirkan sumber pengalaman menerusi pengalaman peribadi. Kaedah ini dilakukan dengan membuat pembacaan, pemerhatian, perenungan, penelitian dan kajian. Cerpen ini diilhamkan oleh pengarang dengan gaya hidup para penuntut maktab perguruan. Mana Sikana pernah menjadi penuntut di Maktab Perguruan di kota metropolitan, Kuala Lumpur selama 2 tahun.

Oleh yang demikian, pengarang menarasi cerpen ini melalui watak 'aku' yang bercadang berjalan-jalan sekitar bandar setelah selesai ujian akhir semester di maktabnya. 'Aku' dan rakan-rakan telah menjelajah sekitar bandar pada malam hari. Mereka telah melalui satu lorong yang mana terdapat ramai perempuan yang berpelesenan memakai pakaian yang seksi dan mengghairahkan. Sehingga rahsia terbongkar bahawa salah seorang rakan mereka iaitu Nafis selalu menjadi tetamu tetap di lorong gelap tersebut untuk melanggan pelacur. Cerpen yang dihasilkan pengarang ini untuk memperlihatkan realiti sebenar kehidupan di bandar pada malam hari. Selain itu, teks ini juga menunjukkan kepada audiens bahawa kesempitan dan desakan masyarakat menyebabkan seseorang terlibat dalam kancas kemungkaran dan kemaksiatan demi mendapatkan wang untuk menyara kehidupan dan memenuhi keperluan hidup.

Secara tuntasnya, teks *Kawan yang Berbudi dan Berduri* ini telah dihasilkan pengarang berdasarkan penelitian beliau terhadap isu-isu yang berlaku melibatkan penindasan terhadap golongan wanita melalui aktiviti seks. Selain itu, pengarang juga telah menampilkan isu persahabatan dan hubungan percintaan.

Kehadiran Struktur

Teksdealisme turut memperlihatkan kehadiran subjek dan watak yang digembleng pengarang berdasarkan penyelidikannya. Aspek yang menjadi subjek dalam cerpen ini adalah hubungan persahabatan dan kesetiaan. Oleh yang demikian, pengarang telah menghadirkan isu persahabatan dalam kalangan penuntut Maktab Perguruan yang baru sahaja selesai ujian bagi semester akhir. Pengarang telah menghadirkan watak-watak dalam kalangan penuntut Maktab Perguruan dalam cerpen ini. Penuntut Maktab Perguruan sangat sinonim dengan sikap dedikasi dan berintegriti kerana mereka bakal menjadi seorang pendidik anak bangsa. Selain itu, sepatutnya bakal guru perlu bertanggungjawab menghidupkan bangsa namun dalam cerpen ini pengarang mengetengahkan kerenah dan sikap yang tidak bermoral yang terlibat dengan kegiatan melanggan pelacur. Hal ini dibuktikan melalui petikan,

“ Kami kenal perempuan itu; pelajar semaktab dengan kami. Penuntut tahun dua. Baju perempuan itu terbuka sedikit bahagian dadanya, di sampingnya seorang lelaki separuh umur.”

(Mana Sikana, 1964: 280)

Cerpen ini berlatar belakang masyarakat penuntut institut pengajian tinggi atau golongan yang berpendidikan tinggi. Dalam masa yang sama juga, pengarang juga mengetengahkan latar belakang masyarakat yang hidup di lorong pelacuran. Selain itu, pengarang berjaya memvisualisasikan keadaan di lorong gelap tersebut dari segi suasana dan kegiatan manusia. Dalam teks itu juga pengarang mewujudkan konflik yang melibatkan persahabatan, kekeluargaan dan percintaan.

Secara rumusannya, Mana Sikana telah memanifestasi sisi gelap kehidupan di kawasan bandar. Isu pelacuran dan pemerdagangan manusia di negara ini serta negara jiran seperti tiada penghujungnya. Teks yang dibawa oleh pengarang ini telah berjaya memberi satu impak yang mendalam dalam diri khalayak. Pengarang juga mencapai keunggulan dalam pemikirannya dengan kehadiran teknik dan naratif yang baharu dalam dunia kepengarangan.

Kehadiran Aliran

Mana Sikana masih mengekalkan aliran realisme dalam penciptaan cerpen *Kawan yang Berbudi dan Berduri*. Realisme sebenarnya memperlihatkan kecenderungan menyatakan kebenaran dengan terperinci supaya kelihatan *real* atau *benar*. Berdasarkan aliran realisme, peristiwa yang dipaparkan mestilah yang benar berlaku dan bersejarah namun yang dipentingkan ialah cara penyampaian dan pengalamannya diterima oleh manusia yang lain. Cerpen *Kawan yang Berbudi dan Berduri* memerihalkan tentang realiti sebenar kehidupan di bandar yang dialami oleh sekumpulan penuntut Maktab Perguruan. Sisi gelap yang dipaparkan oleh pengarang telah membuka minda khalayak agar bangkit dan menjaga maruah diri terutamanya golongan wanita daripada terlibat dengan gejala maksiat.

Kehadiran dalam Petualang Bangsa

Petualang Bangsa merupakan sebuah lagi karya yang terhasil daripada pengalaman melalui penyelidikan. Penyelidikan yang dilakukan oleh Mana Sikana merentasi disiplin ilmu kepada ilmu sejarah. Cerpen ini terhasil daripada sejarah pendudukan komunis di negara kita sekitar tahun 1941 hingga 1945. Komunis yang bernaung di bawah jawatankuasa Parti Komunis Malaya (PKM) mula bersifat radikal di tanah air kita selepas Jepun menyerah kalah. PKM telah mengambil keselamatan untuk menguasai Tanah Melayu selama 14 hari. A. Samad Said (1987) mengatakan bahawa melalui pembacaan yang dilakukan pengarang menyumbang sumber pengalaman yang dapat mencetuskan idea untuk membentuk dan mencipta karyanya dengan cara tersendiri.

Kehadiran Sumber Idea

Melalui rujukan peristiwa kedatangan komunis di Tanah Melayu telah mempengaruhi pengarang dalam penciptaan cerpen *Petualang Bangsa*. Kedatangan komunis di Tanah Melayu telah meninggalkan memori hitam dalam kalangan penduduk Tanah Melayu. Komunis telah melakukan kekacauan dan penindasan dan menyasarkan masyarakat kampung sehinggalah kerajaan melancarkan darurat. Keadaan ekonomi penduduk Tanah Melayu ketika itu sangat tenat. Hal ini telah menginspirasi pengarang untuk menghasilkan sebuah teks yang memaparkan penderitaan dan kesusahan yang dihadapi oleh penduduk Tanah Melayu dan diselitkan juga isu pembelotan yang dilakukan oleh penduduk Tanah Melayu dengan bekerjasama dengan pihak komunis.

Oleh yang demikian, pengarang telah menghadirkan watak Kasa yang mengalami kesempitan untuk menyara kehidupan keluarganya semasa darurat daripada komunis. Kasa buntu kerana sepanjang tempoh darurat, dia tidak boleh menoreh getah untuk menyara keluarganya. Dalam cerpen ini, pengarang telah mengetengahkan rintihan yang dialami penduduk kampung yang terpaksa berhadapan dengan komunis sehingga mereka hilang punca pendapatan dan tidak mampu membeli makanan keperluan asas untuk keluarga.

Kehadiran Struktur

Pengarang menghadirkan aspek struktur dari segi subjek, latar dan watak yang memperlihatkan pembaharuan dan *Petualang Bangsa*. Kehadiran subjek dalam cerpen ini mencakupi pelbagai bidang seperti sejarah, pengorbanan, penentangan, penindasan, penjajahan baru dan ekonomi. Oleh itu, subjek yang dihadirkan dalam teks ini bersifat menyeluruh, komprehensif dan bervariasi. Mana Sikana telah menunjukkan situasi penindasan yang dialami oleh masyarakat di Kampung Kuala Cermin ekoran kekacauan yang dibuat oleh pihak komunis. Pihak komunis melakukan kekacauan dengan membunuh, mengerah tenaga dan mengganggu ketenteraman di

Kampung Kuala Cermin sehingga kerajaan mengisytiharkan darurat. Situasi yang dicipta oleh pengarang ini secara realitinya berlaku semasa Tanah Melayu di fasa darurat sebelum kemerdekaan negara.

Sebagai pembaharuan, pengarang telah menghadirkan watak penduduk kampung yang terdiri daripada Kasa, Zaimah dan Aris. Konflik dalam cerpen ini adalah semasa kampung yang mereka duduki telah diceroboh oleh pihak komunis. Penduduk kampung merasa terkesan dari segi ekonomi dengan kehadiran komunis yang membuat kekacauan dan penindasan. Perkara yang lebih memeritkan apabila ada antara penduduk kampung yang bersubahat dengan pihak komunis sebagai tali barut untuk merampas hak dan pemilikan penduduk kampung. Oleh itu, pengarang telah meletakkan watak Kasa yang memberanikan diri keluar dari rumah untuk menoreh getah yang menjadi titik tolak terbongkarnya bahawa Aris terlibat dengan kegiatan tali barut komunis yang sentiasa memberi maklumat rahsia kepada pihak komunis. Perbincangan aspek struktur dalam teks ini telah memperlihatkan bahawa pengarang telah memperbaharui unsur sejarah melalui penyelidikan.

Kehadiran Aliran

Mana Sikana mencipta teks *Petualang Bangsa* untuk memberi peluang kepada khalayak pembaca berfikir serta menghayati keperitan yang dialami nenek moyang kita sebelum kemerdekaan tanah air. Pengarang masih lagi menggunakan aliran realisme sebagai narasi penciptaannya. Cerpen ini merupakan karya yang dapat membuka minda generasi hari ini serta membangkitkan semangat cinta akan tanah air yang dicampur gaul pengarang dalam menyampaikan idea dan gagasannya. Realisme pada mulanya satu aliran yang diamalkan oleh satu gerakan sastra sejak awal abad ke-19 yang diaplikasikan kepada prosa yang menunjukkan imaginasi kehidupan yang merangkumi persekitaran oleh watak dan keperihalan hidup yang relevan.

Secara rangkumannya, *Petualang Bangsa* wujud hasil daripada sumber penyelidikan, pembacaan, pemerhatian dan rujukan Mana Sikana terhadap sumber, peristiwa dan fakta sejarah yang berlaku semasa pencerobohan komunis di negara kita sebelum kemerdekaan. Kesatuan teks yang dibentuk oleh struktur yang padat setelah penyaringan dan penaakulan terhadap bahan sumber menjadikan idea dan pemikiran dalam cerpen ini mantap dan berupaya mencitrakan misi nasional pengarang untuk penyatuan bangsa. Aliran realisme yang dipaparkan menerusi keberanian penduduk tempatan untuk menentang penindasan pihak komunis yang berupaya mencerminkan sifat jati diri untuk menanam kesedaran demi mengangkat maruah bangsa.

Kesimpulan

Mana Sikana diakui mempunyai daya kreativiti dan keunikan dalam berkarya. Setiap karyanya tidak menunjukkan *stereotaip* dan klise sebaiknya mengandungi misi dan visi yang disasarkan. Pengarang dapat menampilkan pelbagai pengalaman dengan membuat penyaringan, pemilihan dan penyatupaduan bagi menghasilkan jalinan peristiwa yang kemas, mantap dan menarik melalui prinsip kehadiran. Selain itu, Teksdealisme juga turut membuktikan bahawa pengarang dapat menghasilkan teks yang unggul melalui pengalaman, kebijaksanaan, berani meneroka, bersifat inovatif serta tidak hanya berada di zon selesa dengan melakukan perubahan dan pembaharuan dalam karyanya. Selain itu juga, pengarang juga perlu memastikan teks-teks yang dihasilkan lebih berkualiti daripada sebelumnya dengan pemantapan teks dari pelbagai aspek.

Cerpen karya Mana Sikana jelas menyerlahkan beliau sebagai pengarang yang mahu mengangkat sifat manusiawi serta menyatupadukan bangsa di Malaysia. Kebanyakan teks-teksnya menonjolkan nilai-nilai positif yang terselit melalui peristiwa dan situasi yang dinarasi dalam karyanya. Selain itu, Mana Sikana juga mengetengahkan keutuhan hubungan kekeluargaan yang kuat yang mana dapat mendasari kejayaan sesuatu bangsa dan negara. Secara rangkumannya, cerpen-cerpen yang dihasilkan beliau banyak menunjukkan sebab dan akibat bagi sesuatu peristiwa yang boleh berlaku dalam kalangan masyarakat. Jelas menunjukkan bahawa karya beliau sangat sesuai untuk khalayak tanpa mengira lapisan umur.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada seluruh individu yang mengambil bahagian serta meluangkan masa dan memberi maklum balas untuk semua aktiviti yang dijalankan bagi penghasilan makalah ini.

Rujukan

- Ahmad Zaidi Baharuddin & Ani Omar (2018). Pemikiran Mana Sikana dalam drama. *EDUCATUM – Journal of Social Science (EJOSS)*, Vol 4, (32-39).
- A.Samad Said (1987). *Dari Salina ke Langit Petang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asyraff Jamin, Mary Fatimah Subet & Santrol Abdullah. (2024). Kepengarangan realisme lengkap Sasterawan Negara Rahman Shaari: Analisis novel *Cengkaman Hasrat*. *Jurnal pengajian Melayu*, Vol 35(1), (87-105).
- Che Abdullah Che Ya & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2011). Musang Berbulu Ayam: Kepengarangan Yahya Samah. *Jurnal Pengajian Melayu*, Vol 22, (90-110).
- Fauzi Hasan, Ali & Madiawati Mamat@Mustaffa. (2018). Individualisme Faisal Tehrani dalam kepengarangan berdasarkan novel-novel terpilih. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 6(1), 31-60.
- Ghazali Din, Abdul Halim Ali & Mohd Azam Sulong. (2015), Konsep Komunikasi dan kepengarangan Muhammad Haji Salleh berasaskan Model Teksualuri. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 3(1), 166-186.
- Mana Sikana (1964). *Kawan yang Berbudi dan Berduri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana (1975). *Daun-daun Keramat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana (1983). *Petualang Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana (1996). *Teori Teksdealisme*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Manonmani Devi M.A.R Annamalai & Latha a/p Murugusu. (2022). Kepengarangan Mu.Anbuchelvan dari perspektif teori Teksdealisme. *Journal of Education and Social Sciences*, Vol 22(1), (56-66).
- Mohd Fazil Musa (2023). Keunggulan prinsip pelanggaran teori teksdealisme dalam teks drama Renjong. *Jurnal Peradaban Melayu*, 2(18), (27-39).
- Mohd Fazil Musa (2024). Keunggulan kepengarangan drama Renjong berasaskan prinsip kehadiran teori teksdealisme. *Jurnal Peradaban Melayu*, 1(19), (28-40).
- Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din & Phaosan Jehwae. (2020). Keunggulan kepengarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan. *PENDETA-Jurnal Bahasa Melayu, Pendidikan dan Sastera*, Jilid 11(1), (68-87).
- Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2020). Analisis dakwah dalam cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, Vol 8(2), (49-59)

Sara Beden (2019). Prinsip kehadiran dalam novel-novel Jong Chian Lai: Analisis teksdealisme. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 10, (36-56).

Tuan Rusmawati Raja Hassan & Nooratikah Daud. (2023). Konflik wanita dalam cerpen-cerpen terpilih Mawar Safei. *Jurnal Melayu*, Vol 22 (1), (52-66).